

# Perpaduan perlu terus diperkukuh

DE 05-11-2012 6

**Mardinah Jikur**

**BELURAN:** Perpaduan yang menjadi tunjang keharmonian negara ini perlu terus dikekalkan, kata Anggota Dewan Undangan Negeri Sugut Datuk Surady Kayong.

Beliau berkata, selari dengan pembangunan, perpaduan juga adalah antara keunikan yang ada di negara ini dan perlu terus diperkukuh di kalangan rakyat.

Jelasnya, ia juga menjadi benteng kepada usaha sesetengah pihak yang cuba menggugat kepada keharmonian dinikmati rakyat.

"Jika perpaduan tidak dikekalkan, adalah tidak mustahil keharmonian yang dibina selama ini akan luntur sedikit demi sedikit," katanya ketika berucap merasmikan Program X-Plorasi Kendiri Bersama Masyarakat (X-KEM 12) di SMK Trusan Sugut, dekat sini, Sabtu.

Program berkenaan dianjurkan oleh Psikologi Kaunseling Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Jabatan Pelajaran Daerah Beluran.

Seramai 33 pelajar UMS



**SURADY (dua kiri) bersama pelajar UMS serta keluarga angkat mereka.**

dijadikan sebagai anak angkat oleh penduduk Kg Trusan Sugut.

Surady turut memuji usaha dan inisiatif pihak UMS bersama-sama Jabatan Pelajaran Daerah yang menganjurkan program tersebut.

Katanya, ia dilihat mampu mendedahkan pelajar Psikologi Kaunseling kepada kehidupan luar ban-

dar selain memberi kesedaran mengenai kepentingan pendidikan.

"Ia juga diharap memupuk semangat perpaduan di kalangan pelajar dan masyarakat setempat," katanya yang berharap lebih banyak program seumpamanya dilaksanakan pada masa akan datang.